

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : Lisan**

**DARIPADA : Dato' Seri Haji Ahmad Husni Bin Mohamad Hanadzlah**

**KAWASAN : Tambun**

**TARIKH BAHAS : 30 Mac 2017**

**NO. SOALAN : 27**

**Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan berapa peratuskah eksport dalam sektor pembuatan terdiri dari *end-product*.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua,

*End-product* ditafsirkan sebagai barang akhir yang merangkumi barang modal, bahan api dan pelincir, barang pengguna, makanan dan minuman, alat kelengkapan pengangkutan dan lain-lain.

Pada tahun 2016, jumlah eksport di dalam sektor pembuatan Negara bernilai RM645.67 bilion. Daripada jumlah ini, eksport *end-product* adalah 45.3 peratus dengan nilai RM292.17 bilion. Eksport *end-product* pada tahun lepas pula telah menunjukkan peningkatan sebanyak 1 peratus, berbanding dengan RM289.22 bilion pada tahun 2015.

Bagi tahun 2016, tiga produk *end-product* teratas (*top 3 end-products*) adalah barang modal, bahan api dan pelincir serta barang pengguna yang secara kumulatifnya merangkumi 90.3 peratus (atau RM263.92 bilion) daripada jumlah eksport barang *end-product*. Sumbangan barang modal adalah RM113.64 bilion (38.9 peratus) yang terdiri daripada barangan seperti mesin dan komponen yang digunakan oleh industri. Bahan api dan pelincir yang meliputi minyak kenderaan menyumbang RM79.47 bilion (27.2 peratus). Manakala eksport barang pengguna pula mencecah RM70.81 bilion (24.2 peratus) termasuk eksport pakaian, kasut, barang kemas dan perhiasan rumah.

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) melalui agensinya, Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) akan terus mempromosikan eksport barang *end-product* secara global.

**NO. SOALAN: 28**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN M. KULA SEGARAN A/L V.  
MURUGESON**

**TARIKH : 30 MAC 2017**

**RUJUKAN : 9804**

**SOALAN:**

**Tuan M. Kula Segaran A/L V. Murugeson [ Ipoh Barat ] minta  
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-**

- (a) berkenaan Pendakwah Zakir Naik yang dikatakan terlibat dalam aktiviti terorisme di beberapa negara. Mengapakah negara kita masih belum menghalang dia memasuki negara kita; dan
- (b) nyatakan jumlah orang yang dihalang memasuki negara kita (mengikut negara masing-masing) daripada tahun 2010-2017.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Bagi menjawab soalan (a), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) akan menyenaraihitamkan semua individu yang dianggap membawa ancaman kepada keselamatan dan ketenteraman negara berdasarkan maklumat yang disalurkan oleh Agensi Penguatkuasa yang berkaitan. Seseorang individu tidak akan disenaraihitamkan hanya berdasarkan laporan media melainkan Agensi Penguatkuasa yang bertanggungjawab menyalurkan maklumat berkaitan untuk tindakan JIM.**

**Dalam hal ini, dimaklumkan bahawa pendakwah Zakir Naik tidak tersenari sebagai entiti pengganas dalam senarai *United Nations Security Council Resolution* (UNSCR) 1988 dan senarai UNSCR 1267. Sehubungan itu, JIM tiada halangan ke atas kemasukan individu tersebut kerana beliau tidak melanggar undang-undang negara.**

**Bagi menjawab soalan (b), untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, jumlah orang yang dihalang memasuki negara dari tahun 2010 hingga tahun 2017 adalah seramai 1,220,054 orang.**